

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 MARCH 2017

'Ambo sayang rakyat Kelantan'

BH-13/3/2017

➔ PM tambah peruntukan, tekad laksana lebih banyak projek pembangunan

Oleh Anwar Hussin,
Nor Fazlina Abdul Rahim
dan Mohd Zulkifli Zainuddin
bhkb@bh.com.my

► Bachok

Datuk Seri Najib Razak tekad membantu rakyat Kelantan dengan melaksanakan lebih banyak projek pembangunan di negeri ini.

Sambil menegaskan tidak mahu mengikut pendekatan bekas pemimpin Persekutuan tertentu sebelum ini yang disifatkannya mendera rakyat Kelantan, Perdana Menteri berkata, beliau sebaliknya menambah peruntukan dan projek pembangunan untuk negeri ini.

Tanpa menamakan bekas pemimpin terdahulu yang dimaksud-

kannya, Najib berkata, rakyat Kelantan ketika itu didera apabila pembangunan diabaikan, manakala peruntukan yang diberi pula dalam jumlah kecil.

"Kita buat hospital, universiti dan kereta api moden untuk rakyat Kelantan kerana ambo (saya) sayang rakyat Kelantan.

"Pemimpin terdahulu dari ambo, tak payah sebut nama, dia kata orang Kelantan ini patut kita dera, kurangkan peruntukan.

"Ambo tak percaya, ambo tak kurang, ambo tambah peruntukan untuk rakyat Kelantan," katanya melancarkan program Jom Bantu Rakyat dan majlis pecah tanah Hospital Bachok, kemudahan kesihatan terbaru bernilai RM140 juta, di sini semalam.

Katanya, peruntukan untuk Kelantan ditambah sehingga RM12.11

bilion dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11), manakala projek pembangunan untuk rakyat dan ekonomi pula, termasuk pembinaan Hospital Bachok dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Bina hospital baharu

Perdana Menteri berkata, pembinaan kemudahan kesihatan di Kelantan dilaksanakan kerajaan Barisan Nasional (BN) mencecah kos keseluruhan RM600 juta, termasuk hospital baharu di Kuala Krai yang menelan belanja lebih RM300 juta.

Sementara itu, Najib menyifatkan kunjungan pemimpin tertinggi Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud ke Malaysia baru-baru ini, memberi banyak manfaat kepada negara termasuk dalam isu kuota haji dan penerimaan pe-

laburan RM31 bilion.

Beliau turut berbangga apabila Raja Arab Saudi menjadikan Malaysia negara Asia pertama dilawati baginda sejak menaiki takhta pada 2015, manakala syarikat minyak terbesar dunia, Saudi Aramco melabur di Malaysia membabitkan nilai RM31 bilion.

"Pusat Raja Salman juga diperkenankan untuk dibina di bumi Malaysia. Jika Malaysia negara bankrap dan gagal, tak ikut landasan Islam, adakah mereka (Arab Saudi) akan datang melabur di negara kita?"

"Raja Salman mengiktiraf kita, iaitu kerajaan yang dipimpin UMNO. Kita dapat sanjungan. Jika Parti Pribumi Bersatu Malaysia mahu kutuk atau kritik kita, tidak mengapa kerana kita mendapat sanjungan Raja Salman," katanya.